

BAB V

PENUTUP

5.1: Pendahuluan

Bab ini merumuskan hasil perbincangan pendapat ulamak mengenai persepsi mereka terhadap *Tawhīd al-'Ulūhiyyah*. Turut dinyatakan juga dalam bab ini ialah mengenai perbincangan dan implikasi kajian. Seterusnya penulis memberi cadangan hasil daripada dapatan kajian.

5.2: Perbincangan Kajian

Perbincangan ditumpukan kepada persepsi ulamak terhadap ketuhanan Allah dari perspektif *al-'Ulūhiyyah*. Guru-guru pelatih Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan dijadikan sebagai populasi kajian untuk memperlihatkan implimentasi *al-'Ulūhiyyah* dalam praktis amal. Perbincangan juga berdasarkan kepada ulasan persoalan kajian dan analisis data seperti yang dibentangkan dalam Bab IV.

Perbincangan tentang ketuhanan Allah boleh dilihat dalam beberapa pendekatan. Ada yang membincangkan ketuhanan Allah secara pendekatan *Falsafī, Salafī, Bāṭiniyyah* dan *Ṣūfiyyah*¹. Sementara *al-'Ulūhiyyah* ianya turut diertikan dengan *al-'Ubūdiyyah*.² Justeru itu boleh dilihat dalam praktis amal-

¹ Al-Ghazālī (tt.), *op.cit.*, hal: 34.

² Al-Tahāwī (t.t.), *op.cit.*, hal. 4. Lihat juga ibn Taimiyyah (1392), *op.cit.*, hal. 43.

amal harian seperti perlakuan ibadat sembahyang fardu dan sunat, puasa, amalan derma, membaca *al-Qur'ān* dan sebagainya.

Perbincangan berdasarkan kepada ulasan persoalan kajian daripada dapatan kajian menunjukkan; kekerapan perlakuan amal-amal Islami di kalangan guru-guru pelatih masih lagi berada di tahap lemah. Ini adalah kerana kekerapan sekali-sekala menunjukkan peratus yang tinggi di antara 48.6 % - 81.2 % (72 -121 orang). Berlakunya keadaan ini disebabkan kerana guru pelatih memiliki tahap *mujāhadah* diri yang rendah di samping berlakunya kepelbagaian aktiviti yang perlu diikuti sepanjang berkursus.

Berdasarkan kepada analisis data mengikut jantina; didapati berlakunya perbezaan yang signifikan dari aspek sembahyang fardu, sembahyang fardu berjamaah, amalan puasa sunat, derma kebajikan dan Sembahyang Sunat Hajat. Guru-guru pelatih perempuan adalah lebih baik dalam sembahyang fardu, amalan puasa sunat dan Sembahyang Sunat Hajat berbanding dengan guru pelatih lelaki. Sementara sembahyang fardu berjamaah dan derma kebajikan, guru pelatih lelaki adalah lebih baik berbanding dengan guru pelatih perempuan.

Aspek pembentukan sikap dari segi kefahaman terhadap *Tawhīd al-'Ulūhiyyah*, bersegera dalam ibadat, mengutamakan ibadat berbanding kerjaya dan mengutamakan azan berbanding kerja peribadi dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Oleh itu jelasnya guru-guru pelatih Maktab Perguruan Kota Bharu memperlihatkan penampilan dan perwatakan diri yang setara.

Berdasarkan jantina juga dalam menilai faktor-faktor pendorong amal dari aspek dorongan kawan sebilik, sekelas, program Agama, kuliah Agama, kerja kursus dan motivasi pensyarah, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Namun dalam menilai faktor-faktor melemahkan amal terdapat perbezaan yang signifikan dari segi sikap malas dan aktif berpesatuan. Justeru itu perlunya seseorang bakal guru mengamati dan menghayati firman Allah:

3 $\text{ومن جهد فإنما يجهد لنفسه}$

“ Dan siapa yang berjuang (menegakkan Islam) maka sesungguhnya dia hanyalah berjuang untuk kebaikan dirinya sendiri ” .

Firman Allah Ta'āla lagi:

4 $\text{إن الله لا يغير ما بقوم حتى يغيروا ما بأنفسهم}$

“ Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri ” .

Ujian ANOVA dalam melihat kekerapan praktis amal Islami berdasarkan opsyen; aspek derma kebajikan sahaja menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada aras $p < 0.05 @ P = 0.036$. Di mana Opsyen Muzik menunjukkan perlakuan derma kebajikan yang lebih baik berbanding dengan Opsyen Matematik dan Sains. Sementara dalam pembentukan sikap kefahaman terhadap *Tawhīd al-'Ulūhiyyah* Opsyen Sains adalah lebih baik daripada Opsyen Pengajian Inggeris dan Matematik. Kemudian sikap mengutamakan azan berbanding kerja peribadi; Opsyen Sains adalah lebih baik berbanding dengan Opsyen Pengajian Inggeris. Berhubung dengan penilaian terhadap faktor-faktor

³ Surah al-'Ankabūt : 6.

⁴ Surah al-Ra'du : 11.

pendorong amal; dapatan kajian menunjukkan bahawa kawan sekelas Opsyen Matematik adalah lebih baik dorongannya berbanding dengan Opsyen Muzik dan Opsyen Pengajian Inggeris. Demikian juga kawan sekelas Opsyen Sains lebih baik dorongannya berbanding dengan Opsyen TESL, Muzik dan Pengajian Inggeris. Sementara faktor Kuliah Agama, Kerja Kursus dan Motivasi Pensyarah kajian menunjukkan Opsyen Matematik dan Opsyen Sains adalah lebih tinggi daripada Opsyen Muzik dalam mengatakan ianya mendorong perlakuan amal-amal Islam. Penilaian terhadap faktor yang melemahkan amal pula; Opsyen Sains adalah lebih tinggi berbanding dengan Opsyen TESL dan Matematik dalam menyatakan ketidak fahaman Agama dan Jahil menyebabkan lemahnya guru-guru pelatih untuk melakukan amal-amal Islami.

Latar belakang kelulusan guru-guru pelatih Maktab Perguruan Kota Bharu adalah terdiri daripada lulusan yang setaraf SPM, STPM dan Diploma. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi praktis amal-amal Islami seperti kekerapan pembacaan *al-Qur'ān*, sembahyang fardu, sembahyang fardu berjamaah, puasa sunat, Sembahyang Sunat Duhā, Sunat Hajat dan Sunat Witir kecuali dalam praktis derma kebajikan dan Sembahyang Sunat Tahajjud. Kajian menunjukkan guru pelatih yang lulusannya setaraf SPM adalah lebih baik daripada yang lulusan setaraf Diploma dalam amalan derma kebajikan. Rasional berlakunya keadaan ini adalah kerana guru pelatih yang lulusan setaraf SPM mempunyai tanggung jawab kekeluargaan yang rendah berbanding dengan guru pelatih yang lulusan setaraf dengan Diploma. Dari aspek Sembahyang Sunat Tahajjud pula analisis data menunjukkan guru pelatih yang lulusannya setaraf dengan Diploma adalah lebih *istiqāmah*

berbanding dengan guru pelatih yang lulusan setaraf dengan SPM. Rasional berlakunya keadaan ini adalah kerana guru pelatih yang lulusan setaraf Diploma lebih banyak menghadapi permasalahan berbanding dengan guru pelatih yang lulusan setaraf SPM. Sementara dalam pembentukan sikap terhadap kefahaman *Tawhīd al-'Ulūhiyyah* guru pelatih yang lulusannya setaraf STPM adalah lebih baik berbanding dengan guru pelatih yang lulusan setaraf SPM. Rasionalnya adalah kerana tahap persijilan STPM itu sendiri telah memperlihatkan keintelektualan yang tinggi berbanding dengan persijilan SPM.

Persepsi terhadap faktor pendorong dan melemahkan amal kajian menunjukkan guru pelatih yang lulusannya setaraf dengan SPM adalah lebih tinggi berbanding dengan guru pelatih yang lulusannya setaraf STPM dalam menyatakan kawan sebilik menggalakkan perlakuan amal-amal Islami. Di samping itu juga guru pelatih yang lulusannya setaraf dengan SPM adalah lebih tinggi berbanding dengan guru pelatih yang lulusannya setaraf Diploma dalam menyatakan motivasi pensyarah menggalakkan perlakuan amal-amal Islami. Berlakunya keadaan ini adalah kerana guru pelatih yang lulusannya setaraf SPM lebih prihatin semasa berinteraksi dengan pensyarah dan merasakan diri perlu dibimbing.

Statistik data berdasarkan semester menunjukkan guru pelatih Semester Tiga, Empat dan TESL adalah sama dari segi praktis amal-amal Islami pembacaan *al-Qur'ān*, sembahyang fardu, sembahyang fardu berjamaah, puasa sunat, derma kebajikan, Sembahyang Sunat *Ḍuhā*, Tahajjud dan Witr kecuali Sembahyang Sunat Hajat dapatan kajian menunjukkan Semester Tiga adalah

lebih baik berbanding Semester Empat. Berhubung dengan pembinaan sikap mengenai kefahaman *Tawhīd al-'Ulūhiyyah*, bersegera dalam ibadat, mengutamakan ibadat berbanding kerjaya dan mengutamakan azan berbanding kerja-kerja peribadi, ketiga-tiga semester tidak memperlihatkan perbezaan yang signifikan. Sementara dalam membuat penilaian terhadap faktor-faktor pendorong dan melemahkan amal-amal Islami; berdasarkan kepada statistik ANOVA menunjukkan tanggapan Semester Empat adalah lebih tinggi berbanding dengan TESL dalam menyatakan tidak faham Agama penyebab melemahkan amal-amal Islami.

5.3: Implikasi Kajian

Kajian ini menunjukkan bahawa berlakunya kelainan tahap praktis amal-amal Islami di kalangan guru pelatih samada dari segi pembacaan *al-Qur'ān*, sembahyang fardu, sembahyang fardu secara berjamaah, amalan puasa sunat, derma kebajikan, amalan sembahyang Sunat Duhā, Hajat, Tahajjud dan Witir.

Berlaku juga perbezaan sikap mengenai aspek kefahaman *Tawhīd al-'Ulūhiyyah*, bersegera dalam melakukan amal-amal ibadat, memberi keutamaan kepada ibadat berbanding kerjaya dan mengutamakan azan berbanding kerja peribadi. Di samping itu turut berlakunya kelainan tanggapan terhadap faktor-faktor pendorong dan melemahkan amal mengikut persepsi guru pelatih samada berdasarkan jantina, latar belakang kelulusan, opsyen dan semester.

Model Konseptual Pendidikan Guru bertujuan mengembangkan potensi individu guru secara seimbang dan bersepadu dari segi rohani, emosi, intelek dan jasmani. Hasrat ini dapat dicapai melalui pelaksanaan kurikulumnya yang menyepadukan aspek-aspek pengetahuan, kemahiran, ikhtisas dan amalan nilai-nilai keguruan.⁵ Namun daripada hasil kajian menemui bahawa praktis secara sekali sekala mendominasi di kalangan guru pelatih bahkan di dapati 2 orang (1.3 %) yang tidak pernah membaca *al-Qur'ān* dan ini memperlihatkan betapa masih ada di kalangan guru pelatih yang tidak pandai membaca *al-Qur'ān*. Justeru itu fenomena ini akan mencacatkan keterampilan personaliti seseorang guru dan sekaligus memberi tamparan kepada kredibiliti panel penemuduga yang masih lagi longgar dalam membuat penilaian dan pemilihan calon-calon guru.

Berdasarkan kepada pembolehkan faktor-faktor pendorong amal seperti aspek kawan sebilik, sekelas, program Agama, kuliah Agama, kerja kursus dan motivasi pensyarah telah mempengaruhi praktis amal-amal Islami. Didapati skor min lelaki adalah 3.182 sementara perempuan 3.188 dan ini memperlihatkan betapa faktor-faktor tersebut telah memberi input yang bermakna kepada perlakuan amal. Justeru itu usaha-usaha yang lebih perlu ditingkatkan untuk memperlihatkan sahsiah guru pelatih yang lebih dinamis.

Pengaruh *Hukām Ahkām* dalam Islam memang memberi implikasi kepada perubahan tingkahlaku seseorang muslim. Justeru itu dapatan kajian

⁵ Sukatan Pelajaran Diploma Perguruan Malaysia (1997), *Pengajian Agama Islam (Pengkhususan) Bahagian Pendidikan Guru*, Kementerian Pendidikan Malaysia, hal. iv.

menunjukkan bahawa perlakuan ibadat sembahyang fardu secara berjamaah di kalangan guru pelatih lelaki adalah lebih baik berbanding dengan guru pelatih perempuan. Berlakunya keadaan ini adalah kerana Islam lebih menitik beratkan kaum lelaki sembahyang berjamaah di masjid sedangkan kaum perempuan lebih *afdāl* di rumah. Demikian pula dengan amalan puasa sunat, dapatan kajian menunjukkan kaum perempuan lebih baik berbanding dengan kaum lelaki. Ini adalah kerana pada umumnya kaum perempuan pada setiap bulan akan datang *Haid* dan haram ke atasnya sembahyang, berpuasa khususnya bulan Ramadan dan lain-lain perkara yang diharamkan. Oleh itu rasional berlakunya kekerapan berpuasa sunat adalah di kalangan perempuan, ini adalah kerana di samping berpuasa sunat mereka turut sama menggantikan puasa yang tertinggal di bulan Ramadan.

Sentimen kesenian dan kehalusan emosi turut memberi saham kepada praktis amal-amal Islami. Ini adalah kerana dapatan kajian mendapati bahawa Opsyen Muzik adalah baik dalam mengamalkan derma kebajikan berbanding dengan lain-lain opsyen. Berlakunya keadaan ini adalah kerana cuitan perasaan dalaman akan menjadi daya sensitiviti yang tinggi terhadap permasalahan kemanusiaan.

Allah SWT. ada berfirman :

6 ربنا ما خلقت هذا باطلا سبحانه فقنا عذاب النار

“ Wahai Tuhan kami ! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka ”.

⁶ Surah al-Ali'i mrān : 191.

Ayat ini menegaskan betapa kejadian-kejadian dan penemuan-penemuan baru apabila diamati ianya membuktikan tentang kehebatan kuasa Allah SWT. Keajaiban tersebut sering ditemui oleh para saintis. Bagi mereka yang beriman penemuan-penemuan tersebut sudah pasti makin memperkuat keimanan mereka kepada Allah SWT. Sehubungan dengan itu dapatan kajian menunjukkan bahawa Opsyen Sains yang berjuiwa saintis menunjukkan tahap kefahaman *Tawhīd al-'Ulūhiyyah* dan mengutamakan azan berbanding dengan kerja-kerja peribadi, adalah lebih tinggi berbanding dengan opsyen-opsyen lain. Di samping itu berjuiwa saintis turut sama menggalakkan rakan sebaya untuk melakukan amal-amal Islami.

Lumrahnya beban tanggungjawab turut memberi kesan kepada bertangguh-tangguh dalam beramal. Keadaan ini semakin jelas apabila dapatan kajian menunjukkan guru pelatih yang berlatar belakang lulusan yang setaraf dengan SPM lebih baik mempraktikkan derma kebajikan berbanding dengan guru pelatih yang lulusannya setaraf dengan STPM dan Diploma. Ini adalah kerana kebiasaannya guru pelatih yang lulusannya setaraf STPM dan Diploma lebih berumur dan mempunyai tanggungjawab kekeluargaan. Keadaan ini sudah pasti menyebabkan mereka terpaksa berjimat dalam berbelanja.

Semakin tinggi taraf akademik sudah pasti membawa kepada semakin matang seseorang itu. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian yang menunjukkan bahawa guru pelatih yang lulusannya setaraf STPM adalah lebih baik kefahaman *Tawhīd al-'Ulūhiyyah* berbanding dengan guru pelatih yang lulusannya setaraf SPM. Namun dalam pembinaan sikap beragama dalam

amal-amal Islami, guru pelatih yang lulusannya setaraf SPM adalah lebih tinggi berbanding guru pelatih yang lulusannya setaraf STPM. Ini adalah kerana guru pelatih yang lulusannya setaraf STPM telah mempunyai pendirian dan agak sukar untuk dibentuk. Tambahan pula kajian menunjukkan guru pelatih yang lulusannya setaraf STPM beranggapan motivasi pensyarah tidaklah seberapa dalam merangsang mereka untuk melakukan amal berlainan guru pelatih yang lulusannya setaraf SPM.

Kebiasaannya suasana delema telah memberi kesan kepada kecelaruan pemikiran dan sekaligus mendorong seseorang untuk meminta pertolongan. Dalam dunia kependidikan khususnya guru pelatih, suasana delema ketara dirasai di Semester Tiga ini adalah kerana di tahap ini guru pelatih mengalami gangguan samada perkara yang berhubung dengan akademik dan masa depan. Tambahan pula dapatan kajian menunjukkan guru pelatih Semester Tiga adalah lebih kerap melakukan Sembahyang Sunat Hajat berbanding dengan Semester Empat dan TESL. Berlakunya keadaan ini adalah kerana guru pelatih Semester Tiga kebiasaannya menghadapi dua delema ini dan mereka melakukan Sembahyang Sunat Hajat bertujuan untuk menyelesaikan permasalahan mereka.

Berdasarkan kepada kajian mendapati bahawa ketidak fahaman terhadap Agama telah memberi implikasi kepada guru pelatih lemah dalam beramal. Justeru itu ia menunjukkan betapa disiplin ilmu-ilmu Agama tidak memperlihatkan sebagai agenda utama dalam membangunkan akademik keguruan. Malahan pula apabila merujuk kepada kurikulum terbaru yang telah

terlaksana terhadap ambilan guru-guru pelatih sesi Januari 2001⁷ didapati interaksi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam (Dinamika Guru) tidak berlaku di Semester Tiga dan Lima. Fenomena ini sudah pasti menjejaskan imej keguruan di era globalisasi yang mana banyak cabaran-cabaran sedang menunggu di hari muka. Justeru itu penyelesaian dan cadangan-cadangan yang praktikal perlu diwujudkan dalam melahirkan guru multi dimensi.

5.4: Cadangan Kajian

Memandangkan kajian mendapati kekerapan praktis amal-amal Islami tidaklah menunjukkan imej guru pelatih yang dapat dibanggakan justeru itu beberapa mekanisma kerja perlu diwujudkan :

5.4.1: Cadangan Umum

- a) Bagi guru pelatih yang ingin melihat perubahan yang berwacana pada diri, ianya perlu membina sikap *Mujāhadah al-Nafs* di samping perlunya guru pelatih menundukkan diri daripada terpengaruh dengan sifat-sifat keji, malahan hendaklah menjinakkan diri dengan sifat-sifat terpuji.
- b) Disebabkan kawan turut menjadi pemangkin kepada seseorang guru pelatih dalam mendorong perlakuan amal-amal ibadat;

⁷ Sukatan Pelajaran Diploma Perguruan Malaysia (2001), *Pendidikan Islam Asas Dinamika Guru*, Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia, hal. 4.

justeru itu perlunya mereka mencari kawan-kawan yang *sāleh* yang boleh mengajak kepada melakukan perkara-perkara kebajikan dan menjauhkan daripada kejahatan. Di samping itu juga perlunya guru pelatih mengikuti perkembangan sains dan teknologi, khususnya dengan maklumat-maklumat terbaharu yang memperlihatkan tentang tanda-tanda kebesaran Allah SWT.

- c) Menyediakan kurikulum dan interaksi pengajaran dan pembelajaran dalam semua opsyen yang mengambil kira konsep gabung jalin dengan komponen Agama.
- d) Mengimarahkan secara konsisten program Hari Kebesaran dalam Islam, seperti peristiwa *Maulid Rasul, Isrā' dan Mikrāj, Ma' al Hijrah, Iḥya' Ramadhan* dan sebagainya.
- e) Melibatkan sama guru pelatih dalam menjalankan program Islam secara praktis kepada masyarakat.
- f) Merencanakan agenda keagamaan secara bertahap dan berperingkat. Yang dimaksudkan dengan tahap adalah mengikut tahap penguasaan, keupayaan dan kefahaman guru pelatih. Sementara peringkat adalah samada mengikut zon-zon maktab, nasional dan seterusnya.

- g) Membudayakan adab-adab Islam sebagai suatu sistem kehidupan bukan setakat dalam kampus Maktab Perguruan Kota Bharu sahaja, malahan sebagai cerna-an kehidupan harian.

5.4.1: Cadangan Penyelidikan Lanjutan

Kajian yang dijalankan ini adalah terhad setakat pengedaran borang soal selidik bagi memperlihatkan penghayatan *Tawhīd al-Ulūhiyyah* dalam orientasi amal. Sementara populasinya pula tidak merangkumi semua guru pelatih dan tidak semua opsyen.

Justeru itu dicadangkan supaya kajian lanjutan dapat dijalankan untuk mendalami aspek-aspek tertentu yang masih lagi tidak disentuh oleh pengakaji. Berikut dikemukakan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan:

- a) Oleh kerana kajian ini hanya menggunakan borang soal selidik, adalah dicadangkan supaya kajian seterusnya merupakan kombinasi di antara tinjauan pemerhatian, temubual dan soal selidik.
- b) Skop kajian yang telah dijalankan boleh juga dilakukan ke atas sample yang lebih besar. Umpamanya pengakaji akan datang menggunakan sample guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan yang lain di Malaysia. Demikian juga dicadangkan

pengkaji meluaskan penyelidikan ke atas guru pelatih *muallaf*, untuk memperlihatkan kesignifikannya.

- c) Lanjutan kajian juga boleh dijalankan untuk membandingkan penghayatan *Tawhīd al-Ulūhiyyah* dalam implimentasi amal di kalangan guru pelatih yang mengikuti latihan keguruan di universiti-universiti tempatan dengan maktab-maktab perguruan di Malaysia. Boleh juga dijalankan kajian perbandingan di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah dan juga di kalangan siswa IPT dan IPTS.

- d) Kajian juga boleh diperluaskan terhadap guru pelatih dengan guru yang telah mengajar bagi memperlihatkan perbandingan penghayatan. Yang mana dengan pendekatan ini ia dapat menentukan faktor-faktor dan peringkat mana berlaku peningkatan dan penurunan penghayatan *Tawhīd al-Ulūhiyyah*.

- e) Penyelidikan akan datang disarankan juga menggunakan kombinasi kaedah kuantitatif dan diskriptif. Yang mana responden diberi ruang untuk menyatakan komentar. Pendekatan ini boleh menghasilkan dapatan yang lebih tinggi kebolehpercayaan dan keesahannya.

5.5: Rumusan

Lima bab utama dikemukakan oleh penulis dalam mengolah idea. Bab Pertama menjelaskan tentang pernyataan masalah, objektif , persoalan, kepentingan, batasan, metodologi kajian dan kajian literatur. Sementara pada Bab Kedua penulis mengenengahkan persepsi *Tawḥīd al-Ulūhiyyah* menurut ulamak muktabar. Namun fokus utama penulis adalah persepsi *Tawḥīd al-Ulūhiyyah* dalam implimentasi amal. Penulis turut mengutarakan idea tentang konsep *al-'Ilah* dan ciri-ciri asas tentang *Tawḥīd al-Ulūhiyyah*.

Disebabkan soal selidik dilakukan di kalangan guru pelatih Maktab Perguruan Kota Bharu, justeru itu di Bab Ketiga penulis menjuruskan perbahasan mengenai Sejarah Penubuhan Maktab, kursus-kursus yang ditawarkan dan mengulas tentang program-program Islam yang dilaksanakan.

Bab yang keempat pula penulis mendedahkan dapatan kajian yang memperlihatkan tentang kekerapan perlakuan amal-amal Islami. Penulis turut juga mengemukakan analisis data untuk memperlihatkan kesignifikanan praktis amal-amal Islami, pembentukan sikap, faktor-faktor pendorong dan melemahkan amal; berdasarkan jantina, opsyen, latar belakang lulusan akademik dan semester.

Bab Kelima penulis merumus dan menjelaskan implikasi kajian terhadap guru-guru pelatih Maktab, kurikulum, arus kependidikan dan Kementerian. Pada bab ini juga penulis turut memuatkan beberapa cadangan umum dan cadangan lanjutan untuk pengkaji-pengkaji akan datang.

Jelasnya dalam menangani arus cernaan pendidikan yang penuh mencabar perspektif keagamaan, khususnya aspek ketuhanan hendaklah dijadikan sebagai agenda utama, teras dan asas ke atas sebarang perlaksanaan wacana kependidikan.